

Tingkat kebolehdapatan kerja graduan

Kuala Lumpur Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Keusahawanan melalui Profesional Training And Education For Growing Entrepreneurs atau PROTEGE menganjurkan program Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 (CE EXPO UPM 2019), di sini, baru-baru ini.

Ekspo itu dianjurkan sebagai platform bagi mengintegrasikan kerjasama antara agensi kerajaan dengan pelbagai sektor industri, swasta dan badan bukan kerajaan dalam melaksanakan program membabitkan gradu-

an dan bakal graduan UPM untuk meningkatkan kebolehdapatan kerja graduan.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, berkata di UPM, sebanyak 85 peratus pelajar mereka akan mendapat kerja pada tahun sama mereka menamatkan pengajian.

Beri pendedahan

“Meskipun begitu, masih terdapat baki 25 peratus yang belum mendapat pekerjaan dan disebabkan itu, kita mahu memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai pilihan yang ada melalui program ini termasuklah menceburkan diri dalam

bidang keusahawanan.

“Perkara penting yang harus dilihat dalam memberi pendedahan kepada graduan adalah bagaimana kita membimbing mereka ke peringkat lebih tinggi dengan latihan yang betul untuk memulakan perniagaan sendiri dan kekal konsisten dalam industri,” katanya.

CE EXPO UPM 2019 yang menyasarkan lebih 17,000 pengunjung itu terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini.

Hampir 50 organisasi dari pelbagai bidang dalam dan luar negara turut mengambil



Wan Suraya (dua dari kanan) meninjau ruang pameran yang dibuka sempena CE EXPO UPM 2019, baru-baru ini.

bahagian dalam membuka ruang perbincangan serta perkongsian maklumat.

Antara agensi atau industri yang turut serta ialah Bank

Rakyat, Tekun Nasional, Media Prima Berhad, Nestle Sdn Bhd dan Maybank Berhad.

Aktiviti lain yang turut diadakan termasuklah Klinik

E-Resume, Booth Pameran Agensi dan Industri, temu duga terbuka, cabutan bertuah dan persembahan artis terkenal, Faizal Tahir.